

# Siapa bakal teraju PBB

Um - 13/2/2007

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**  
(WARTAWAN UTUSAN)

**PERSIDANGAN** agung parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) berakhir dengan teka-teki mengenai siapa pengganti Presiden parti, Tan Sri Abdul Taib Mahmud seandainya beliau melepaskan jawatan Ketua Menteri Sarawak.

Secara terang-terangan, Abdul Taib belum mengumumkan siapa bakal penggantinya sama ada di dalam parti mahupun sebagai pemimpin negeri.

Walaupun beliau ada memuji Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Effendi Norwawi pada ucapan persidangan kelmarin, yang menimbulkan spekulasi sebagai pengganti, perlu diingat bahawa Affendi tidak lagi berada dalam parti apabila mengumumkan melepaskan jawatan Naib Presiden PBB, baru-baru ini.

Hendak dikatakan bekas Menteri Alam Sekitar dan Sumber Asli, Datuk Seri Adenan Satem bakal menjadi pengganti jauh sekali apabila beliau pula mengumumkan melepaskan jawatan sebagai Naib Presiden Kanan.

Walaupun kita tidak tahu apa sebenarnya alasan serta tujuan peletakan jawatan kedua-dua orang penting PBB ini tetapi semakin mengecilkan senarai pemimpin yang layak untuk mengganti Abdul Taib selepas 25 tahun meneraju parti.

Jika merujuk kepada tradisinya, calon yang layak untuk menggantikan Presiden sudah tentu lebih memihak kepada mereka yang berada dalam parti.

Kecuali jika PBB sedia untuk meminda Perlembagaan bagi memberi laluan kepada Affendi sebagai Presiden PBB atau Ketua Menteri atau atas pilihan Abdul Taib sendiri.

Menurut pemerhati persidangan kali ini, Affendi sebenarnya dicabar dua calon lain yang amat berwibawa untuk menggantikan Abdul Taib iaitu Timbalan Presiden, Datuk Seri Abang Johari Tun Openg dan Naib Presiden Kanan yang baru dipilih, Datuk Seri Awang Tengah Ali Hassan.

Menurut pemerhati itu, kedua-dua tokoh itu memiliki peluang dan kewibawaan yang sama untuk meneraju parti dan Sarawak.

Katanya, Abang Johari dan Awang Te-

ngah lebih dekat di hati rakyat Sarawak berbanding calon lain untuk menggantikan Abdul Taib.

"Cuma mereka dibezakan dari segi pengalaman di mana Abang Johari lebih lama dan berpengalaman dalam politik dan hal ehwal pentadbiran negeri," kata pemerhati berkenaan.

Abang Johari merupakan pemimpin kanan negeri yang terbukti banyak membawa kemajuan untuk Sarawak menerusi portfolio yang dipegangnya seperti Kementerian Pelancongan sebelum menerajui Kementerian Perumahan Sarawak sekarang.

Walaupun tidak pernah menjawat apa-apa tugas di peringkat Pusat, tugasnya di kedua-dua kementerian itu membolehkan beliau menjalin hubungan erat dengan pemimpin peringkat Pusat.

Menurut pemerhati itu lagi, Abang Johari juga lebih dekat dengan rakyat menerusi kementeriannya yang amat prihatin terhadap nasib golongan berpendapatan rendah menerusi program Rumah Mesra Rakyat (RMR).

Kelebihan yang sama dimiliki Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber II Sarawak, Awang Tengah yang disifatkan sebagai pemimpin generasi muda, sesuai dengan tema persidangan PBB kali ini, 'bersama menempuh gelombang pembangunan kedua'.

Pemerhati berkata, potensi Awang Tengah sebagai calon pengganti Abdul Taib terserlah dengan kepercayaan daripada Abdul Taib sendiri yang memilih Awang Tengah sebagai wakilnya bagi majlis-majlis yang tidak dapat beliau hadiri sama ada di peringkat negeri mahupun Pusat.

Ini, kata mereka merupakan strategi untuk memperkenalkan dan mendekati Awang Tengah dengan rakyat di peringkat akar umbi.

Bagi majlis-majlis di peringkat Pusat, ia merupakan satu pendedahan kepada Awang Tengah kepada pemimpin di peringkat Pusat.

Cuma, kata pemerhati itu, sesiapa sahaja calon yang berpotensi untuk menduduki teraju parti dan negeri perlu bersabar supaya tidak berlaku seperti mana yang dialami oleh bekas Menteri Alam Sekitar dan Sum-

Secara terang-terangan, Abdul Taib belum mengumumkan siapa bakal penggantinya sama ada di dalam parti mahupun sebagai pemimpin negeri



**PERHIMPUNAN** Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang berlangsung kelmarin masih belum menawarkan jawapan mengenai siapa bakal peneraju parti itu jika presidennya, Abdul Taib Mahmud meletakkan jawatan.

ber Asli, Datuk Seri Adenan Satem.

"Apa yang penting sekarang mana-mana pemimpin yang dikaitkan dengan calon pengganti Abdul Taib, usah terlalu ghairah berangan-angan menerajui negeri dan parti," katanya.

Menurut pemerhati itu, jika sekalipun Awang Tengah tidak terpilih menggantikan Abdul Taib selepas ini, akan tiba juga saatnya bagi pemimpin di bahagian utara

Sarawak itu menerajui negeri terbesar di Malaysia suatu masa kelak.

"Awang Tengah merupakan contoh kepada pembentukan pemimpin masa depan Sarawak yang ber wawasan jauh," katanya.

Walau siapa pun pengganti Abdul Taib, hanya beliau selaku Presiden PBB yang berhak membuat keputusan dan hanya masa sahaja akan menjawab segala spekulasi bakal penggantinya.